



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BAYARAN ELAUN KHAS KEPADA DOKTOR DAN ANGGOTA KESIHATAN**  
**DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
<b>TAKRIFAN</b>		
1.	Pegawai manakah yang ditakrifkan sebagai anggota kesihatan?	<p>Takrifan “anggota kesihatan” seperti yang terkandung dalam SP KSU Bil.2/2020 adalah merujuk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (selain daripada Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan) sama ada lantikan tetap atau <i>contract of service</i> di KKM.</li><li>b) Anggota dalam kumpulan Paramedik sama ada lantikan tetap atau <i>contract of service</i> di KKM adalah merujuk kepada Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran, Juru X-ray, Juruteknologi Makmal Perubatan, Juruterapi Pergigian, Juruteknologi Pergigian, Jurupulih Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Pembantu Kesihatan Awam, Pembantu Pembedahan Pergigian, Jururawat Masyarakat dan Pembantu Perawatan Kesihatan.</li><li>c) Anggota dalam kumpulan pelaksana sama ada lantikan tetap atau <i>contract of service</i> di KKM pula merujuk kepada skim-skim perkhidmatan sokongan dan teknikal di fasiliti kesihatan contohnya: Pembantu Tadbir (Operasi/Perkeranian), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pegawai Khidmat</li></ul>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		Pelanggan, Pemandu Kenderaan, Pembantu Am Pejabat.
2.	Adakah pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang turut terlibat secara langsung dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 layak dibayar elaun khas ini?	Pegawai yang diarahkan oleh Ketua Jabatan terlibat secara langsung dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 adalah layak dipertimbangkan bayaran elaun khas ini sepertimana Para 5 dalam SP KSU Bil.2/2020.
3.	Bolehkah Pengarah Hospital melaksanakan penurunan kuasa kepada Timbalan Pengarah sebagai Ketua Jabatan?	<p>SP KSU Bil.2/2020 jelas menyatakan bahawa Ketua Jabatan bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Negeri, Pengarah/ Ketua Institusi dan Pengarah Hospital. Takrifan ini termasuklah mana-mana Pegawai Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan serta Ketua Klinik yang diberi kuasa secara bertulis rasmi oleh Ketua Jabatan.</p> <p>Justeru, <b>tiada penurunan kuasa dibenarkan</b> daripada Pengarah Hospital kepada Timbalan Pengarah sebagai Ketua Jabatan. Ini adalah untuk memastikan Ketua Jabatan bertanggungjawab dalam memastikan bayaran elaun khas ini hanya diberikan kepada pegawai yang benar-benar layak serta berperanan sebagai barisan hadapan dalam menangani wabak COVID-19 ini.</p>
<b>KELAYAKAN</b>		
4.	Apakah kelayakan bagi membolehkan pegawai atau anggota kesihatan di KKM dibayar elaun khas ini?	Pegawai adalah <b>diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk terlibat secara langsung</b> dalam rangkaian pengurusan, menangani dan membendung wabak COVID-19 seperti yang dinyatakan dalam Para 5 (a)-(h) SP KSU Bil.2/2020. Ini termasuklah mereka diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Contoh situasi:</p> <p><b>i) Soalan:</b>            Penolong Pegawai Perubatan membawa kad pengenalan individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 dari Kaunter Fever COVID-19 ke Kaunter Hasil Jabatan Kecemasan dan Trauma untuk didaftarkan oleh Pembantu Tadbir. Selain bertanggungjawab mendaftarkan pesakit, <b>Pembantu Tadbir berkenaan juga bertanggungjawab menguruskan kemasukan bagi pesakit yang disyaki (PUI) untuk dimasukkan ke wad isolasi.</b></p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai terlibat secara langsung dengan individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>ii) Soalan:</b>  <b>Pembantu Tadbir</b> yang ditempatkan untuk kutipan hasil di kaunter hasil hospital yang <b>menguruskan kemasukan pesakit biasa.</b></p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai menguruskan kemasukan pesakit biasa dan tidak terlibat secara langsung dengan individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>iii) Soalan:</b>  <b>Pemandu Ambulans</b> yang diarahkan untuk membawa/ mengangkut/ memindahkan pesakit COVID-19.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai terlibat secara langsung dengan individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>iv) Soalan:</b>  <b>Pembantu Tadbir</b> yang diarahkan <b>bertugas di kaunter saringan COVID-19</b> untuk membuat pendaftaran.</p> <p><b>Jawapan:</b>  Layak dipertimbangkan elaun khas kerana pegawai terlibat secara langsung dengan individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>v) Soalan:</b>  <b>Paramedik/ Pembantu Tadbir</b> yang <b>bertugas di makmal</b> yang menjalankan pengujian sampel <b>ujian saringan COVID-19</b>.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai menguruskan maklumat sampel ujian saringan COVID-19 bagi pesakit yang dijangkiti wabak tersebut.</p> <p><b>vi) Soalan:</b>  <b>Pembantu Perawatan Kesihatan</b> yang terlibat dalam pengendalian sampel klinikal (penerimaan dan pendaftaran spesimen, penghantaran sampel dari wad ke makmal) bagi individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai membawa sampel klinikal individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>vii) Soalan:</b>            Staf pengurusan yang bertugas di kaunter melibatkan penerimaan dokumen-dokumen rasmi daripada pesakit/waris/wad biasa.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Kaunter penerimaan dokumen-dokumen rasmi daripada pesakit juga melibatkan penerimaan dokumen daripada pesakit yang mempunyai penyakit berjangkit yang lain yang tiada bayaran elaun khas dibayar untuk tujuan tersebut.</p> <p><b>viii) Soalan:</b>            Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/Juruteknik Komputer/Pegawai Teknologi Maklumat yang bertugas untuk pembaikan dan khidmat sokongan teknikal ke atas PC/Notebook/Rangkaian di COVID <i>Screening Area</i>, wad isolasi (COVID-19), <i>recovery room</i> dan sebagainya.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>ix) Soalan:</b>            Kakitangan sajian yang terlibat dalam penghantaran makanan ke wad pesakit PUI.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai akan menghantar dan mengambil semula bekas makanan yang telah disentuh oleh pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>x) Soalan:</b>  <b>Polis Bantuan</b> yang terlibat mengawal selia keselamatan (pergerakan orang awam/ pesakit) di dalam fasiliti hospital?</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Menjadi tanggungjawab anggota keselamatan mengawal selia keselamatan orang awam/ kakitangan/ pesakit dalam dan luar fasiliti kesihatan. Kakitangan perlu mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas atau proses saringan kesihatan seperti penjarakan sosial, pemakaian apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p> <p><b>xi) Soalan:</b>  Staf kader seperti pengawal keselamatan dari CGSO yang terlibat dalam proses saringan.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Kakitangan perlu mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas atau proses saringan kesihatan seperti penjarakan sosial, memakai apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>xii) Soalan:</b>            Pengawal Keselamatan yang bertugas mengawal lalu lintas di kaunter <i>drive-thru</i> bagi melaksanakan ujian <i>swab</i> pemeriksaan jangkitan COVID-19.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak terlibat dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 dan berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Pegawai perlu mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas atau proses saringan kesihatan seperti penjarakan sosial, pemakaian apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p> <p><b>xiii) Soalan:</b>  <b>Anggota kesihatan</b> yang menjalankan tugas-tugas promosi kesihatan dengan mengedar <i>flyer</i> kepada penduduk kampung dan orang awam yang berada di pasar.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Pegawai perlu mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas atau proses saringan kesihatan seperti penjarakan sosial, pemakaian apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p> <p><b>xiv) Soalan:</b>            Kakitangan hospital seperti jurutera di Seksyen Pembangunan yang terlibat dalam kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf fasiliti/ kawasan yang digunakan</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>untuk mengendalikan pemeriksaan saringan dan rawatan bagi individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai tidak berhubung secara langsung dengan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Pegawai perlu mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas penyelenggaraan/ pembaikan seperti penjarakan sosial, pemakaian <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p> <p><b>xv) Soalan:</b>  Kakitangan di bawah Program Kesihatan Awam yang menjalankan kerja-kerja kawalan infeksi bagi fasiliti kesihatan di bawah KKM.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan infeksi/ tugas disinfeksi di fasiliti kesihatan KKM.</p> <p><b>xvi) Soalan:</b>  Kakitangan yang ditugaskan untuk melakukan saringan suhu badan di pintu-pintu masuk utama hospital.</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Tidak layak dipertimbangkan</b> kerana bayaran khas ini diberikan kepada petugas yang terlibat secara langsung dengan PUI dan pesakit COVID-19. Petugas yang melakukan saringan suhu hendaklah mematuhi SOP langkah pencegahan kesihatan ketika menjalankan tugas atau proses saringan kesihatan seperti</p>



BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>penjarakan sosial, pemakaian apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan.</p> <p><b>xvii) Soalan:</b>            Abu merupakan seorang Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD), Hospital A. Abu bertugas mengikut giliran syif petang bermula pukul 2 petang – 9 malam. Semasa syif tersebut, 2 individu yang disyaki dijangkiti COVID-19 telah menjalani saringan kesihatan di bilik isolasi ETD yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas COVID-19. Abu tidak terlibat dalam pengendalian kes COVID-19 semasa syif tersebut tetapi masih diarahkan untuk memakai PPE seperti apron, <i>surgical mask</i> dan sarung tangan sebagai langkah pencegahan kesihatan. Adakah Abu layak dipertimbangkan elaun khas ini kerana menjalankan tugas di kawasan yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada wabak COVID-19 walaupun pegawai tidak terlibat secara langsung dengan pengendalian kes-kes COVID-19?</p> <p><b>Jawapan:</b>            Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan satu jadual bertugas yang jelas kepada petugas di Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan menentukan pasukan petugas yang khusus untuk mengendalikan PUI dan pesakit COVID-19.</p> <p>Dalam situasi di atas, Ali <b>tidak layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini kerana pegawai bukan sebahagian daripada pasukan petugas yang diarahkan mengendalikan PUI dan pesakit COVID-19.</p> <p>Namun, sekiranya Ali turut membantu dalam pengendalian kes-kes COVID-19 kerana bilangan anggota dalam pasukan petugas COVID-19 di ETD tidak mencukupi, maka Ali <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>tertakluk kepada pengesahan oleh penyelia yang bertugas mengendalikan kes COVID-19 di ETD.</p> <p><b>xviii) Soalan:</b> Casey bekerja sebagai Jurupulih Perubatan di Unit Rehabilitasi Hospital C yang menjadi hospital saringan untuk kes-kes COVID-19. Berikutan dengan penularan wabak COVID-19, tugas hakiki Casey dikurangkan kerana temujanji pesakit telah ditangguhkan buat sementara waktu bagi mengurangkan risiko penyebaran penyakit COVID-19. Casey telah ditugaskan untuk membantu dalam penyediaan/ pembuatan PPE sementara Hospital C mendapat bekalan stok PPE baharu. Adakah Casey layak mendapat elaun tersebut kerana membantu dalam penyediaan/ pembuatan PPE yang akan digunakan oleh pasukan petugas COVID-19 di Hospital C?</p> <p><b>Jawapan:</b> Bayaran elaun khas ini diberikan kepada petugas COVID-19 yang terlibat secara langsung dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19. Dalam situasi di atas, Casey tidak terlibat secara langsung dalam pengendalian PUI dan pesakit COVID-19 atau mana-mana rangkaian pengurusan wabak COVID-19. Justeru, Casey <b>tidak layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini.</p> <p><b>xix) Soalan:</b> Jefri merupakan Penolong Pegawai Perubatan yang ditugaskan untuk mengurus, menyedia dan mengkoordinasi peralatan seperti mesin bius, peralatan intubasi dan lain-lain di dalam bilik bedah yang mengendalikan pembedahan terhadap pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Semasa pembedahan dilakukan, Jefri diperlukan untuk berada dalam keadaan bersedia (standby) di luar bilik bedah sebagai persediaan sekiranya berlaku masalah dengan mesin tersebut.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Adakah Jefri layak menuntut elaun khas ini?</p> <p><b>Jawapan:</b>  <b>Layak dipertimbangkan</b> elaun khas kerana pegawai terlibat dalam rantaian perawatan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19.</p>
5.	<p>Adakah pegawai dan anggota yang terlibat dalam perolehan peralatan kesihatan terutamanya semasa perolehan darurat layak menerima bayaran ini?</p>	<p>Pegawai dan anggota yang terlibat dalam perolehan terutamanya menguruskan perolehan darurat bagi menangani wabak COVID-19 ini tidak terlibat secara langsung di dalam rantaian tugas sebagai barisan hadapan yang terdedah kepada risiko penularan wabak COVID-19 ini. Justeru seperti yang dinyatakan dalam Para 5 (a)-(h) SP KSU Bil.2/2020, pegawai adalah <b>tidak layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini.</p> <p>Namun sekiranya pegawai menganggotai Jawatankuasa Kesiapsiagaan COVID-19 atau mana-mana jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi merancang, memantau dan mengkoordinasi, menangani dan membendung penularan wabak COVID-19, maka pegawai <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini.</p>
6.	<p>Adakah Pegawai Kaunseling yang terlibat dalam melaksanakan sesi kaunseling kepada anggota kesihatan dan pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 layak menerima elaun khas ini?</p>	<p>Pegawai Psikiatri/ Kaunseling/ Psikologi <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini sekiranya pegawai terlibat secara langsung untuk memberi khidmat kaunseling kepada PUI dan pesakit COVID-19 dari segi emosi, mental dan fizikal pesakit.</p> <p>Dalam masa yang sama, pegawai turut memberikan khidmat kaunseling kepada petugas kesihatan barisan hadapan dari segi emosi, mental dan fizikal dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19</p>
7.	<p>Pegawai yang bertugas di Bilik Gerakan/ CPRC telah diarah untuk “work from home” (WFH) disebabkan</p>	<p>Pegawai yang terlibat dalam rantaian tugas COVID-19 dan telah diarahkan untuk WFH kerana telah dikenalpasti sebagai PUI <b>tidak layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	dikenalpasti sebagai PUI, adakah pegawai tersebut layak dibayar elaun khas ini?	Ini kerana pegawai telah diarahkan untuk kuarantin selama 14 hari di rumah sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan.
8.	Adakah anggota kesihatan di Jabatan Forensik yang terlibat dalam pengurusan kes kematian individu yang disyaki atau telah dijangkiti wabak COVID-19 layak menerima elaun khas ini?	Pegawai dan anggota kesihatan yang diarahkan menguruskan jenazah PUI dan pesakit COVID-19 yang telah meninggal dunia <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini kerana virus COVID-19 masih lagi aktif dalam tubuh jenazah tersebut.
9.	Adakah pemandu yang ditugaskan di bahagian pengurusan tetapi diarahkan untuk memandu kenderaan bagi tujuan menghantar pesakit ke hospital yang dikhususkan untuk kes positif dan kuarantin layak dibayar elaun khas ini?	Pemandu dari bahagian pengurusan yang telah diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membawa, mengangkut dan/atau menghantar PUI atau pesakit COVID-19 ke hospital atau pusat kuarantin <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini.
10.	Adakah <b>Jawatankuasa Kesiapsiagaan</b> COVID-19 yang ditubuhkan oleh Pengarah Hospital untuk merancang, memantau dan mengkoordinasi Pelan Tindakan Penularan Wabak COVID-19 di hospital layak untuk mendapat elaun tersebut?  Adakah pembayaran elaun khas ini turut dipanjangkan kepada pegawai yang	Berdasarkan Para 5(a) SP KSU Bil.2/2020, pasukan yang ditubuhkan untuk merancang, memantau dan mengkoordinasi Pelan Tindakan Penularan Wabak COVID-19, pegawai atau anggota kesihatan yang terlibat dalam pasukan ini adalah layak dipertimbangkan elaun khas ini. Justeru mana-mana pasukan atau jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan ini <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini, termasuklah Jawatankuasa Kesiapsiagaan COVID-19, tertakluk memenuhi syarat yang dinyatakan di para 5(a) tersebut.  Pembayaran elaun khas ini tidak dipanjangkan kepada Jawatankuasa Kecil (Sub Committee).

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	menganggotai “Sub Committee”?	
12.	Adakah pegawai yang ditugaskan di Bilik Gerakan COVID-19 layak dibayar elaun khas ini?	<p>Pegawai yang bertugas menjalankan urusan mengemaskini data dan rekod berkaitan COVID-19 di Bilik Gerakan <b>layak dipertimbangkan</b> kerana terlibat dalam rantaian pengurusan COVID-19.</p> <p>Pegawai yang diarahkan untuk melakukan pengoperasian Bilik Gerakan COVID-19 seperti menyediakan peralatan komputer, menyusun atur bilik gerakan, membuka dan menutup suis lampu dan lain-lain operasi <b>tidak layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun ini.</p>
13.	<p>Apakah kelayakan pembayaran elaun khas ini kepada pegawai di PKD yang turut terlibat dalam tugas seperti berikut:</p> <p>a)Merancang pengagihan anggota kesihatan yang akan menjaga kaunter triage di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan Klinik Desa.</p> <p>b)Menyusun semula jadual staf baharu dan koordinasi pasukan pengganti setelah SEMUA staf sedia ada (di sebuah klinik yang dikontaminasi COVID-19) terpaksa dikuarantin.</p> <p>c) Menjalankan penyeliaan berkala di Klinik Ibu dan Anak dan Klinik Desa untuk memantau dan memastikan tahap</p>	<p>Pegawai yang diarahkan oleh Ketua Jabatan terlibat secara langsung dalam rantaian pengurusan wabak COVID-19 adalah <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini sepertimana di Para 5 dalam SP KSU Bil.2/2020.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	<p>kesediaan staf, kelengkapan PPE, pengetahuan staf mengenai carta alir rujukan kes, “signage” atau notis pemberitahuan berkenaan simptom-simptom COVID-19 di kaunter triage berada dalam keadaan yang baik.</p>	
14.	<p>Adakah Pegawai Perubatan yang sedang mengikuti Program Kepakaran di bawah tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang ditempatkan di Hospital/ Hospital Universiti dan telah diarahkan oleh Ketua Jabatan (Hospital/ Hospital Universiti/ fasiliti kesihatan) untuk terlibat sama dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 layak di bayar elaun khas ini?</p>	<p>Sekiranya pegawai telah diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk terlibat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di fasiliti kesihatan KKM yang ditetapkan, maka pegawai adalah <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini dengan mengemukakan tuntutan kepada Pusat Tanggungjawab/ fasiliti kesihatan di mana pegawai bertugas.</p>
15.	<p>Adakah Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang diarahkan menjalankan tugas dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 layak dibayar elaun khas ini?</p>	<p>“Pekerja Sambilan Harian” bermaksud seseorang pekerja yang diambil untuk melaksanakan sesuatu tugas secara harian bagi melaksanakan tugas-tugas yang bersifat projek/ program, <i>ad hoc</i> atau tugas bermusim (seasonal).</p> <p>Selaras dengan prinsip <i>empowerment</i> dan <i>delegation of power</i>, mulai 1 Januari 2013, KSU diberi kuasa untuk melulus bayaran Elaun Lebih Masa dan bayaran upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am bagi PSH.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Justeru, pada masa ini tiada ketetapan yang diberikan kepada PSH untuk dipertimbangkan elaun khas ini tetapi PSH masih layak menuntut Elaun Lebih Masa.</p>
16.	<p>Terdapat pelatih PSL/ Pos Basik/ Diploma Lanjutan yang diarahkan untuk kembali bertugas di fasiliti KKM dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Adakah pegawai layak dibayar elaun khas ini?</p>	<p>Pelatih PSL/ Pos Basik/ Diploma Lanjutan adalah merupakan pegawai lantikan tetap yang berkhidmat di KKM. Pegawai telah diarahkan bertugas di fasiliti KKM yang terlibat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Dalam hal ini, pegawai <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini dan tuntutan oleh pegawai perlu dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab di jabatan asal pegawai ditempatkan.</p>
<b>PEGAWAI DI FASILITI BAGI SARINGAN, RAWATAN DAN KUARANTIN</b>		
17.	<p>Sekiranya terdapat kawasan lain yang dijadikan sebagai pusat saringan selain daripada yang dinyatakan seperti dalam Para 5 SP KSU Bil.2/2020, adakah pegawai layak dibayar elaun khas ini?</p>	<p>Sekiranya terdapat keperluan oleh Kerajaan untuk menetapkan pusat saringan selain daripada yang dinyatakan dalam Para 5 SP KSU Bil.2/2020, pegawai <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini kerana menjalankan tugas aktiviti pengesanan dan saringan kesihatan bagi wabak COVID-19 di kawasan yang telah ditetapkan. Tuntutan oleh pegawai perlu dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab di jabatan asal pegawai ditempatkan.</p>
18.	<p>Adakah pegawai atau anggota kesihatan KKM yang mengisi jawatan secara pinjaman atau secara kader di Jabatan lain layak dipertimbangkan untuk Bayaran Elaun Khas COVID-19?</p>	<p>Kelayakan pegawai atau anggota kesihatan KKM ini adalah bergantung kepada Jabatan/ Agensi pinjaman pegawai atau anggota kesihatan KKM bertugas.</p> <p><b>Contoh situasi:</b></p> <p>Pegawai Perubatan yang mengisi jawatan kader di Jabatan Penjara/ Agensi Anti Dadah Kebangsaan, sekiranya pegawai melaksanakan skop tugas yang berkaitan dengan pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 dalam</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>kalangan banduan atau penagih, maka kelayakan untuk Bayaran Elaun Khas COVID-19 adalah tertakluk kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi tersebut.</p> <p>Dalam hal ini, Jabatan/ Agensi tersebut perlu memohon pemanjangan daripada Kementerian Kewangan Malaysia berhubung bayaran elaun COVID-19 kepada pegawai yang terlibat. Sebarang kelayakan pembayaran elaun perlulah dirujuk kepada pihak kementerian yang berkaitan.</p>
18.	Adakah bayaran elaun khas ini turut terpakai kepada pegawai yang bertugas menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Hospital Universiti?	Hospital Universiti adalah di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Justeru, pegawai yang berkhidmat di Hospital Universiti adalah di bawah tanggungjawab pihak KPT. Sebarang kelayakan pembayaran elaun perlulah dirujuk kepada pihak KPT.
19.	Perkhidmatan bagi sukarelawan yang turut bertugas dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Adakah sukarelawan layak menuntut elaun khas ini?	Sukarelawan yang terlibat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 <b>tidak layak dipertimbangkan</b> untuk bayaran elaun khas ini. Ini kerana bayaran ini diberikan kepada doktor dan anggota kesihatan lantikan tetap dan <i>Contract of Service</i> di KKM sahaja.
20.	Adakah pegawai yang berkhidmat dalam sektor swasta yang dipanggil bertugas di fasiliti kesihatan layak dibayar elaun khas ini?	Bayaran elaun khas ini diberikan kepada Doktor dan Anggota Kesihatan lantikan tetap dan <i>Contract of Service</i> di KKM yang diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk menjalankan tugas yang berkaitan dalam membendung dan menangani wabak COVID-19.



BIL	SOALAN	JAWAPAN
21.	Adakah pegawai yang telah bersara dan dilantik untuk berkhidmat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 layak menuntut elaun khas ini?	Seandainya pegawai dilantik secara <i>Contract of Service</i> di KKM, maka pegawai <b>layak dipertimbangkan</b> bayaran elaun khas ini.
22.	Adakah pegawai yang ditempatkan di pusat rawatan/ kaunter saringan / wad bagi pesakit ILI (Influenza Like-Illness), ARI (Acute Respiratory Infection) dan SARI (Severe Acute Respiratory Infection) layak menuntut elaun khas ini?	Pegawai <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas ini kerana pegawai turut terdedah dengan risiko dijangkiti wabak COVID-19 sekiranya terdapat kes-kes COVID-19 yang wujud secara <i>sporadic</i> dalam kalangan pesakit ILI/ ARI/ SARI.

#### TATACARA PEMBAYARAN

23.	Bagaimanakah caranya untuk menuntut bayaran elaun khas ini?	<p>a) Bayaran Elaun Khas COVID-19 adalah dilaksanakan secara tuntutan sepertimana tuntutan Elaun Lebih Masa dibuat.</p> <p>b) Pegawai perlu mengisi Borang Tuntutan Elaun Khas COVID-19 seperti di Lampiran I dalam Surat Pekeliling KSU KKM Bilangan 2 Tahun 2020 bagi tuntutan bulan Februari dan Mac 2020, manakala bagi tuntutan April dan bulan berikutnya menggunakan Borang di Lampiran A dalam surat Perubahan Kadar Elaun Khas Kepada Anggota Kesihatan Dalam Usaha Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Setiap tuntutan perlu mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jabatan di fasiliti kesihatan pegawai bertugas.</p>
-----	---	---

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>c) Tuntutan hendaklah dikemukakan tidak lewat 10 haribulan dalam bulan berikutnya dan hanya satu tuntutan yang boleh dibuat dalam satu-satu bulan.</p> <p>d) Bagi tuntutan bulan Februari dan Mac, pegawai perlu mengisi borang berasingan iaitu satu borang tuntutan bagi bulan Februari dan satu borang tuntutan bagi bulan Mac serta mengemukakannya mulai April 2020 kepada Pusat Tanggungjawab/ fasiliti kesihatan masing-masing.</p>
24.	<p>Pegawai bertugas di Kedah telah diarahkan membantu petugas kesihatan di negeri Selangor dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Kepada siapakah pegawai perlu mengemukakan tuntutan elaun khas ini?</p>	<p>Pegawai merupakan kakitangan di negeri Kedah dan perlu mengemukakan tuntutan elaun khas ini kepada Pusat Tanggungjawab tempat pegawai bertugas secara hakiki walaupun diarahkan bertugas di Selangor.</p> <p>Pengesahan Ketua Jabatan dalam borang tuntutan boleh dibuat oleh Ketua Jabatan/ Ketua/ Penyelia negeri Selangor iaitu penempatan sementara dan borang tuntutan yang lengkap hendaklah dikemukakan oleh pegawai kepada Unit Kewangan di penempatan asal iaitu di negeri Kedah.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN																	
25.	Bagaimanakah kiraan kelayakan bayaran elaun khas ini?	<p>a) Pengiraan kelayakan bayaran adalah seperti jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="689 409 1386 786"> <thead> <tr> <th data-bbox="689 409 919 786" rowspan="2">Tempoh Bertugas</th> <th colspan="2" data-bbox="919 409 1386 483">Kadar Bayaran Elaun Khas</th> </tr> <tr> <th data-bbox="919 483 1163 786">Bertugas 15 hari dan ke atas dalam tempoh satu bulan kalendar</th> <th data-bbox="1163 483 1386 786">Bertugas kurang daripada 15 hari dalam tempoh satu bulan kalendar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="3" data-bbox="689 786 1386 831" style="text-align: center;"><b>i. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="689 831 919 958">1 Februari hingga 31 Mac 2020</td> <td data-bbox="919 831 1163 958">RM400.00 sebulan</td> <td data-bbox="1163 831 1386 958">RM200.00 sebulan</td> </tr> <tr> <td colspan="3" data-bbox="689 958 1386 1003" style="text-align: center;"><b>ii. Pakej Rangsangan Prihatin Rakyat</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="689 1003 919 1346">1 April hingga penularan wabak COVID-19 diisytihar berakhir oleh Kerajaan</td> <td data-bbox="919 1003 1163 1346">RM600.00 sebulan</td> <td data-bbox="1163 1003 1386 1346">RM300.00 sebulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>b) Pengiraan adalah berdasarkan jumlah hari bekerja dalam satu bulan kalendar, sama ada berturut-turut atau tidak.</p> <p>c) Setiap giliran bertugas sama ada secara <i>on call</i>, <i>standby</i> atau secara syif turut dikira sebagai bertugas satu hari.</p> <p>d) Bagi pegawai yang dijadualkan dalam jadual <i>standby</i> maka pegawai hanya layak menuntut bilangan hari pegawai terlibat dengan pengendalian kes individu disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19 sahaja.</p> <p>e) Contoh pengiraan bayaran elaun:</p>	Tempoh Bertugas	Kadar Bayaran Elaun Khas		Bertugas 15 hari dan ke atas dalam tempoh satu bulan kalendar	Bertugas kurang daripada 15 hari dalam tempoh satu bulan kalendar	<b>i. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020</b>			1 Februari hingga 31 Mac 2020	RM400.00 sebulan	RM200.00 sebulan	<b>ii. Pakej Rangsangan Prihatin Rakyat</b>			1 April hingga penularan wabak COVID-19 diisytihar berakhir oleh Kerajaan	RM600.00 sebulan	RM300.00 sebulan
Tempoh Bertugas	Kadar Bayaran Elaun Khas																		
	Bertugas 15 hari dan ke atas dalam tempoh satu bulan kalendar	Bertugas kurang daripada 15 hari dalam tempoh satu bulan kalendar																	
<b>i. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020</b>																			
1 Februari hingga 31 Mac 2020	RM400.00 sebulan	RM200.00 sebulan																	
<b>ii. Pakej Rangsangan Prihatin Rakyat</b>																			
1 April hingga penularan wabak COVID-19 diisytihar berakhir oleh Kerajaan	RM600.00 sebulan	RM300.00 sebulan																	

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>i) Soalan:</b> Azrul telah diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan di CPRC bermula 2 sehingga 18 Mac 2020. Dalam tempoh tersebut, Azrul hanya bekerja pada hari Isnin hingga Jumaat sahaja. Berapakah kadar yang layak diterima oleh Azrul dalam tempoh tersebut?</p> <p><b>Jawapan:</b> Pengiraan jumlah hari bertugas.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 2 – 6 Mac = 5 hari</li> <li>ii. 7 – 8 Mac = cuti hari minggu</li> <li>iii. 9 – 13 Mac = 5 hari</li> <li>iv. 14 – 15 Mac = cuti hari minggu</li> <li>v. 16 – 18 Mac = 3 hari</li> </ul> <p>Jumlah hari bekerja = 13 hari</p> <p>Kadar yang layak diterima Azrul adalah RM200 kerana jumlah hari bekerja beliau dalam bulan tersebut adalah 13 hari.</p> <p><b>ii) Soalan:</b> Muthu telah diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan di CPRC hanya 3 hari sahaja pada bulan Mac iaitu pada 3 hingga 5 Mac 2020. Adakah Muthu layak menerima elaun khas ini?</p> <p><b>Jawapan:</b> Merujuk kepada Para 8(a) SP KSU Bil.2/2020, elaun khas ini layak dibayar atas kadar RM200 sebulan bagi pegawai yang menjalankan tugas kurang daripada 15 hari dalam satu bulan kalendar. Justeru, Muthu layak dibayar atas kadar RM200 pada bulan tersebut berdasarkan ketetapan ini. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan adalah disarankan untuk menyusun jadual tugas yang optimum untuk memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>iii) Soalan:</b>  Linda telah diarahkan bertugas untuk melaksanakan saringan kesihatan bagi individu yang disyaki dijangkiti (PUI) COVID-19 selama 15 hari pada bulan Mac. Linda telah dijadualkan bertugas selama 3 jam sehari bermula jam 3 hingga 6 petang. Adakah Linda layak dibayar elaun khas ini dan berapakah kadar yang layak diterima?</p> <p><b>Jawapan:</b>  Linda <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas tersebut meskipun hanya bertugas 3 jam sehari sebagaimana yang telah dijadualkan. Jumlah hari bekerja Linda pada bulan tersebut adalah 15 hari, justeru Linda layak dibayar atas kadar RM400 sebulan. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan adalah disarankan untuk menyusun jadual tugas yang optimum untuk memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah.</p> <p><b>iv) Soalan:</b>  Mei Ling telah diarahkan bertugas oleh Ketua Jabatan di kaunter saringan COVID-19 bermula 16 Mac sehingga 15 April 2020. Dalam tempoh tersebut, Mei Ling hanya bekerja pada hari Isnin hingga Jumaat sahaja. Berapakah kadar yang layak diterima oleh Jamilah dalam tempoh tersebut?</p> <p><b>Jawapan:</b>  Pengiraan jumlah hari bertugas bulan Mac.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 16 – 20 Mac = 5 hari</li> <li>ii. 21 – 22 Mac = cuti hari minggu</li> <li>iii. 23 – 27 Mac = 5 hari</li> <li>iv. 28 – 29 Mac = cuti hari minggu</li> <li>v. 30 – 31 Mac = 2 hari</li> </ul> <p>Jumlah hari bekerja = 12 hari</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Pengiraan jumlah hari bertugas bulan April.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. 1 – 3 April = 3 hari</li> <li>ii. 4 – 5 April = cuti hari minggu</li> <li>iii. 6 – 10 April = 5 hari</li> <li>iv. 11 – 12 April = cuti hari minggu</li> <li>v. 13 – 15 Mac = 3 hari</li> </ol> <p>Jumlah hari bekerja = 11 hari</p> <p>Kadar yang layak diterima Mei Ling adalah RM200 bagi bulan Mac kerana jumlah hari bekerja beliau dalam bulan tersebut adalah 12 hari mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Manakala Mei Ling layak menerima RM300 bagi bulan April kerana jumlah hari bekerja beliau dalam bulan tersebut adalah 11 hari mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat</p> <p><b>v) Soalan:</b></p> <p>Kiah yang merupakan seorang Penolong Pegawai Perubatan yang bertugas di Jabatan Kecemasan dan Trauma turut diarahkan bertugas dalam pengendalian individu yang disyaki atau pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Kiah hanya terlibat sekiranya terdapat kes-kes berkaitan COVID-19 dan sekiranya tiada, Kiah akan bertugas seperti biasa di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Bagi bulan Mac 2020, Kiah hanya bertugas mengendalikan kes berkaitan COVID-19 sebanyak 5 hari sahaja.</p> <p><b>Jawapan:</b></p> <p>Kiah hanya dibenarkan menuntut mengikut bilangan hari pegawai mengendalikan kes-kes COVID-19 sahaja iaitu sebanyak 5 hari pada bulan Mac. Maka Kiah <b>layak dipertimbangkan</b> elaun khas sebanyak RM200.00 sahaja bagi tuntutan bulan Mac 2020.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
26.	Adakah terdapat jumlah jam bertugas minimum dalam satu hari untuk dikira sebagai bilangan hari yang melayakkan tuntutan elaun khas ini?	Tiada jumlah jam bertugas minimum dalam satu hari yang ditetapkan sebagai bilangan hari yang melayakkan tuntutan bayaran elaun khas ini. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan dikehendaki menetapkan jumlah jam yang munasabah dalam satu hari bagi memastikan jadual tugas yang diberikan adalah seimbang dan adil.
27.	Adakah dokumen sokongan diperlukan semasa mengemukakan tuntutan elaun khas ini?	Berdasarkan borang seperti di Lampiran I dalam SP KSU Bil.2/2020, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan bahawa pegawai adalah diarahkan bertugas dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, tatacara bayaran memerlukan dokumen seperti Surat/ Memo/ Daftar/ Jadual Giliran Bertugas/ Log, yang boleh mengesahkan pegawai hadir dan menjalankan tugas dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.
28.	Bolehkah Ketua Jabatan meminda Borang Tuntutan Elaun Khas COVID-19 di Lampiran I Surat Pekeliling KSU Bil.2/2020?	Ketua Jabatan adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan urusan pembayaran ini dilaksanakan dengan cekap dan teratur.  Ketua Jabatan adalah <b>tidak dibenarkan untuk meminda borang tuntutan</b> tersebut. Walau bagaimanapun Ketua Jabatan boleh menyediakan penjelasan tambahan atau menambahbaik pengurusan bayaran elaun khas ini kepada PTJ bagi memudahkan proses tuntutan tersebut.
29.	Pegawai telah diarahkan bertugas pada 25 Januari 2020, adakah pegawai layak menuntut mulai daripada pegawai menjalankan tugas iaitu bermula 25 Januari 2020?	Kerajaan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bersetuju untuk memberi elaun khas ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020. Sehubungan itu, pegawai hanya boleh dipertimbangkan untuk menuntut elaun khas ini bermula dari 1 Februari 2020 atau tarikh selepas mengikut pegawai yang diarahkan melaksanakan tugas.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
30.	Adakah pegawai yang layak menerima bayaran elaun khas ini juga layak menerima elaun lain seperti Elaun Lebih Masa atau Elaun <i>On-Call</i> ?	Pemberian elaun khas ini tidak menghalang pegawai untuk menuntut atau menerima elaun lain yang melayakkan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
31.	Bagaimanakah tatacara pembayaran elaun khas ini?	<p>Tatacara Bayaran Elaun Khas ini adalah seperti berikut:</p> <p><b>a) Dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Surat/ Memo/ Daftar/ Jadual Giliran Bertugas/ Log, yang boleh mengesahkan pegawai hadir dan menjalankan tugas dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.</li> <li>ii) Dokumen-dokumen tersebut perlu mendapat pengesahan Ketua Jabatan/ Penyelia.</li> </ul> <p><b>b) Penetapan kod belanja:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Modul Invois Tanpa PT, jenis dokumen K2.</li> <li>ii) B0112199 untuk pegawai yang dibayar gaji dibawah B0110000.</li> <li>iii) B0229399 untuk pegawai yang dibayar gaji dibawah B0229000.</li> </ul> <p><b>c) No. Akaun Bank di dalam borang tuntutan seperti di Lampiran I/ Lampiran A, hendaklah sama dengan No. Akaun Bank gaji pegawai.</b></p>



BIL	SOALAN	JAWAPAN
32.	Peranan Ketua Jabatan	i. Mengenal pasti dan mengeluarkan arahan secara rasmi kepada pegawai dan anggota kesihatan yang perlu bertugas dalam rantaian pengurusan wabak COVID-19.  ii. Pegawai yang perlu dilibatkan dalam rantaian pengurusan wabak COVID-19, tempoh bertugas yang munasabah dan kelayakan bayaran elaun khas ini adalah di bawah pertimbangan Ketua Jabatan.  iii. Memastikan setiap tuntutan bayaran diuruskan dengan cekap dan teratur berdasarkan peraturan dan pekeliling kerajaan semasa yang berkuatkuasa.

Sumber:

1. Akta 342, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. SP KSU Bilangan 2 Tahun 2020, Bayaran Elaun Khas Kepada Doktor dan Anggota Kesihatan Dalam Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 bertarikh 16 Mac 2020
3. Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia, Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Menangani COVID-19 bertarikh 18 Mac 2020
4. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Perubahan Kadar Elaun Khas Kepada Pegawai Anggota Kesihatan Dalam Usaha Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 Selaras Dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bertarikh 31 Mac 2020
5. *Guidelines COVID-19 Management In Malaysia* dalam Portal Kementerian Kesihatan
6. P.U (B) 189 Pengisytiharan Stesen Kuarantin seperti pada 31 Mac 2020 Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

Disediakan Oleh:

Unit Skim, Saraan Dan Hubungan Pekerja  
 Bahagian Sumber Manusia  
 Kementerian Kesihatan Malaysia

**Tarikh Kemaskini: 9 April 2020**